

**PEMBINGKAIAN BERITA POLITIK: KAJIAN
PERBANDINGAN LIPUTAN PILIHAN RAYA UMUM
KE-13 DALAM AKHBAR TEMPATAN SABAH**



HELVIA JAIMOL

PERPUSTAKAAN

(UNIVERSITI MALAYSIA SABAH)

UMS

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2018**

**PEMBINGKAIAN BERITA POLITIK: KAJIAN
PERBANDINGAN LIPUTAN PILIHAN RAYA UMUM
KE-13 DALAM AKHBAR TEMPATAN SABAH**

HELVIA JAIMOL



**PERSTADIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **PEMBINGKAIAN BERITA POLITIK: KAJIAN PERBANDINGAN LIPUTAN PILIHAN RAYA UMUM KE-13 DALAM AKHBAR TEMPATAN SABAH**

IJAZAH: **IJAZAH SARJANA SASTERA (KOMUNIKASI)**

Saya **HELVIA JAIMOL**, Sesi **2011-2018**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan.)

TIDAK TERHAD

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**



**HELVIA JAIMOL
PA20118138**

Disahkan Oleh,



**NURULAIN BINTI ISMAIL
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(tandatangan Pustakawan)**

Tarikh: 9 April 2018



**(Dr. Lee Kuok Tiung)
Penyelia**

PENGESAHAN

NAMA : HELVIA JAIMOL

NOMBOR MATRIK : PA20118138

TAJUK : **PEMBINGKAIAN BERITA POLITIK: KAJIAN
PERBANDINGAN LIPUTAN PILIHAN RAYA KE-13
DALAM AKHBAR TEMPATAN SABAH**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA SASTERA (KOMUNIKASI)**

TARIKH VIVA : **29 OGOS 2017**



UMS
DISAHKAN OLEH;
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

PENYELIA UTAMA

Dr. Lee Kuok Tiung

PENGHARGAAN

Pertama-tama saya mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana memberikan saya kekuatan dan petunjuk untuk menyiapkan tesis ilmiah ini dengan jayanya.

Saya juga ingin memberikan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia utama, Dr. Lee Kuok Tiung sepanjang saya menjalankan penyelidikan ini. Insan penting ini telah banyak memberikan bantuan, bimbingan serta tunjuk ajar sepanjang proses penyiapan tesis ini. saya juga ingin memberikan penghargaan yang tidak terhingga kepada insan-insan penting dalam hidup saya terutamanya ayah dan ibu, Jaimol Sulimin dan Juiin Kigut, adik beradik serta Bradley Bernard yang telah banyak memberikan sokongan, nasihat serta bimbingan sepanjang menuntut di Universiti Malaysia Sabah ini.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu saya menjalankan penyelidikan ini. Saya berharap dengan adanya pertolongan yang dihulurkan akan dapat menjadikan saya seorang yang mampu berguna di masa hadapan kelak.

Justeru itu, sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang menjalankan kajian ini. Dengan ini, semoga bantuan dan kerjasama yang telah anda berikan akan mendapat kebaikan dan ganjaran yang lebih baik daripada Tuhan.

Sekian,

Helvia Jaimol

06 April 2018

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat pbingkaian berita politik dalam perbandingan liputan Pilihan Raya Umum Ketiga belas (PRU-13) dalam akhbar tempatan Sabah. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti bingkai-bingkai yang digunakan dalam berita politik, mengenal pasti aspek-aspek struktur teks berita yang ditekankan dalam pbingkaian berita politik dan mengenal pasti isu-isu semasa berita dalam liputan berita politik yang melaporkan mengenai PRU-13 dengan menggunakan model Pan dan Kosicki (1993). Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan berbentuk kualitatif yang bersifat subjektif untuk menginterpretasikan data-data dalam teks kandungan melalui proses pengkodan. Hasil kajian mendapati wujudnya penggunaan bingkai dalam pelaporan berita politik. Penggunaan aspek struktur teks berita juga didapati di dalam artikel berita yang dikaji yang melihat pada struktur sintaksis, struktur retorik, struktur skrip berita dan struktur tematik. Kupasan isu-isu semasa juga dapat dirungkai melalui kajian yang dijalankan. Secara keseluruhannya, kajian mendapati enam-enam akhbar ini banyak menggunakan bingkai permainan, bertanggungjawab, demokrasi, konflik dan politik dalam pelaporan berita tentang politik sepanjang pilihan raya umum ke-13.

ABSTRACT

FRAMING OF POLITICAL NEWS: COMPARATIVE STUDY ON THE COVERAGE OF THE 13TH GENERAL ELECTION IN THE LOCAL SABAH PRESS

This study aims to examine the framing of political news coverage in comparison 13th General Election in the local newspaper Sabah. The objective of this study was to identify the frames used in political news, identifying aspects of the structure of the text highlighted in framing political news and identify issues during news coverage of political news reported about the GE-13th by using Pan and Kosicki's model (1993). This study used a qualitative content analysis method that are subjective to interpret the data in text content through the encoding process. The findings showed the use of frames in reporting political news. The use of the structural aspects of the report text us also available in a news article that reviewed the view on syntactic structure, rhetorical structure, the structure of the script news and thematic structure. The current issues also be corroborated by a survey. Overall, the survey found this local newspaper often uses the games frames, responsibility, democracy, conflict and politics in news reporting about politics during the 13th general elections.

SENARAI KANDUNGAN

Halaman

TAJUK	i
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	ii
PENGAKUAN CALON	iii
PENGESAHAN	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
<i>ABSTRACT</i>	vii
SENARAI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	6
1.3 Akhbar dan Politik	12
1.4 Permasalahan kajian	18
1.5 Objektif Kajian	19
1.6 Tujuan kajian	19
1.7 Skop Kajian	20
1.8 Takrifan Konsep	21
1.8.1 Peningkatan	21
1.8.2 Bingkai Berita	22
1.8.3 Berita Politik	22
1.8.4 Struktur Teks Berita	23
1.8.5 Sintaksis	23
1.8.6 Skrip Berita	24
1.8.7 Tematik	24

1.8.8	Retorik	24
1.9	Kesimpulan	25

BAB 2: SOROTON LITERATUR

2.1	Pengenalan	26
2.2	Latar Belakang teori	30
2.3	Tinjauan Kajian Lepas	40
2.4	Kerangka Teoritikal	59
2.4.1	Model Kajian	60
2.4.2	Struktur Sintaksis	62
2.4.3	Struktur Skrip	62
2.4.4	Struktur Tematik	63
2.4.5	Struktur Retorik	64
2.6	Kesimpulan	65

BAB 3: KAEDAH KAJIAN

3.1	Pengenalan	66
3.2	Kaedah Kajian	66
3.3	Persampelan	67
3.4	Tatacara Pengumpulan Data	68
3.5	Instrumen Kajian	69
3.6	Pengoperasian	70
3.6.1	Bingkai	70
i.	Permainan	70
ii.	Bertanggungjawab	70
iii.	Demokrasi	70
iv.	Konflik	70
v.	Politik	70
vi.	Dasar dan Polisi kerajaan	70
vii.	Kredibiliti	70

viii.	Kawalan	70
ix.	Minat Insani	70
x.	Sosial dan Kemasyarakatan	70
xi.	Agama	70
xii.	Prestasi	70
xiii.	Kesan-kesan Ekonomi	70
xvii.	Ekonomi	70
xviii.	Pendidikan	70
xix.	Moral	71
xx.	Keadilan	71
xxi.	Anti-Pembangkang	71
3.6.2	Struktur Sintaksis	71
3.6.3	Struktur Skrip Berita	72
3.6.4	Struktur Tematik	73
3.6.5	Struktur Retorik	74
3.7	Kesimpulan	75
BAB 4: HASIL KAJIAN		
4.1	Pengenalan	76
4.2	Kekerapan Berita Politik	77
4.3	Bingkai Berita	78
4.4	Analisis Aspek-Aspek Struktur Teks Berita (Struktur Sintaksis)	83
4.4.1	Tajuk Berita	83
4.4.2	Sumber Berita	86
4.5	Analisis Aspek-Aspek Struktur Teks Berita (Struktur Skrip Berita-5W dan 1H)	92
4.5.1	Analisis Struktur Berita Skrip (Artikel 1)	95
4.5.2	Analisis Struktur Berita Skrip (Artikel 2)	96
4.5.3	Analisis Struktur Berita Skrip (Artikel 3)	97
4.5.4	Analisis Struktur Berita Skrip (Artikel 4)	98
4.5.5	Analisis Struktur Berita Skrip (Artikel 5)	99
4.5.6	Analisis Struktur Berita Skrip (Artikel 6)	100

4.5.7	Analisis Struktur Berita Skrip (Artikel 7)	101
4.5.8	Analisis Struktur Berita Skrip (Artikel 8)	102
4.5.9	Analisis Struktur Berita Skrip (Artikel 9)	103
4.5.10	Analisis Struktur Berita Skrip (Artikel 10)	104
4.5.11	Analisis Struktur Berita Skrip (Artikel 11)	105
4.5.12	Analisis Struktur Berita Skrip (Artikel 12)	106
4.5.13	Analisis Struktur Berita Skrip (Artikel 13)	107
4.5.14	Analisis Struktur Berita Skrip (Artikel 14)	108
4.5.15	Analisis Struktur Berita Skrip (Artikel 15)	109
4.5.16	Analisis Struktur Berita Skrip (Artikel 16)	110
4.5.17	Analisis Struktur Berita Skrip (Artikel 17)	111
4.5.18	Analisis Struktur Berita Skrip (Artikel 18)	112
4.6	Analisis Aspek-Aspek Struktur Teks Berita (Struktur Tematik)	113
4.6.1	Analisis Struktur Tematik (Artikel 1)	115
4.6.2	Analisis Struktur Tematik (Artikel 2)	117
4.6.3	Analisis Struktur Tematik (Artikel 3)	119
4.6.4	Analisis Struktur Tematik (Artikel 4)	121
4.6.5	Analisis Struktur Tematik (Artikel 5)	122
4.6.6	Analisis Struktur Tematik (Artikel 6)	124
4.6.7	Analisis Struktur Tematik (Artikel 7)	125
4.6.8	Analisis Struktur Tematik (Artikel 8)	127
4.6.9	Analisis Struktur Tematik (Artikel 9)	128
4.6.10	Analisis Struktur Tematik (Artikel 10)	129
4.6.11	Analisis Struktur Tematik (Artikel 11)	130
4.6.12	Analisis Struktur Tematik (Artikel 12)	132
4.6.13	Analisis Struktur Tematik (Artikel 13)	133
4.6.14	Analisis Struktur Tematik (Artikel 14)	134
4.6.15	Analisis Struktur Tematik (Artikel 15)	135
4.6.16	Analisis Struktur Tematik (Artikel 16)	136
4.6.17	Analisis Struktur Tematik (Artikel 17)	137
4.6.18	Analisis Struktur Tematik (Artikel 18)	138

4.7	Analisis Aspek-Aspek Struktur Teks Berita (Struktur Retorik)	139
4.7.1	Analisis Struktur Retorik (Artikel 1)	142
4.7.2	Analisis Struktur Retorik (Artikel 2)	143
4.7.3	Analisis Struktur Retorik (Artikel 3)	144
4.7.4	Analisis Struktur Retorik (Artikel 4)	145
4.7.5	Analisis Struktur Retorik (Artikel 5)	146
4.7.6	Analisis Struktur Retorik (Artikel 6)	147
4.7.7	Analisis Struktur Retorik (Artikel 7)	147
4.7.8	Analisis Struktur Retorik (Artikel 8)	148
4.7.9	Analisis Struktur Retorik (Artikel 9)	149
4.7.10	Analisis Struktur Retorik (Artikel 10)	150
4.7.11	Analisis Struktur Retorik (Artikel 11)	151
4.7.12	Analisis Struktur Retorik (Artikel 12)	152
4.7.13	Analisis Struktur Retorik (Artikel 13)	152
4.7.14	Analisis Struktur Retorik (Artikel 14)	153
4.7.15	Analisis Struktur Retorik (Artikel 15)	154
4.7.16	Analisis Struktur Retorik (Artikel 16)	154
4.7.17	Analisis Struktur Retorik (Artikel 17)	155
4.7.18	Analisis Struktur Retorik (Artikel 18)	155
4.8	Isu-isu Semasa	156
4.9	Kesimpulan	162

BAB 5: PERBINCANGAN DAN GENERALISASI

5.1	Pengenalan	163
5.2	Perbincangan Penemuan	164
5.3	Kerangka Teori Kajian	169
5.4	Batasan Kajian	170
5.5	Cadangan Untuk Kajian Masa Akan Datang	171
5.6	Kesimpulan	172

RUJUKAN		173
----------------	--	------------

LAMPIRAN A	194
LAMPIRAN B	197
LAMPIRAN C	200
LAMPIRAN D	203
LAMPIRAN E	206
LAMPIRAN F	209



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	Senarai Akhbar Tempatan Sabah	11
Jadual 4.1	Kekerapan Berita Politik dalam Akhbar Tempatan Sabah	77
Jadual 4.2	Kekerapan Bingkai dalam Akhbar Tempatan Sabah	78
Jadual 4.3	Perbandingan Bingkai Dalam Akhbar Tempatan Sabah	80
Jadual 4.4	Perbandingan Arah Tajuk Berita Politik dalam Akhbar	83
Jadual 4.4.1a	Contoh Tajuk Berita Arah Kerajaan dalam Akhbar Tempatan Sabah	84
Jadual 4.4.1b	Contoh Tajuk Berita Arah Pembangkang dalam Akhbar Tempatan Sabah	85
Jadual 4.4.1c	Contoh Tajuk Berita Arah Seimbang dalam Akhbar Tempatan Sabah	86
Jadual 4.5	Kekerapan Sumber Berita dalam Akhbar Tempatan Sabah	87
Jadual 4.6	Perbandingan Sumber Berita dalam Akhbar Tempatan Sabah	89
Jadual 4.7	Kekerapan Unsur 5W dan 1H dalam Akhbar Tempatan Sabah	92
Jadual 4.8	Perbandingan Unsur 5W dan 1H dalam Akhbar Tempatan Sabah	93
Jadual 4.9	Kekerapan Struktur Tematik dalam Berita Politik	113
Jadual 4.10	Perbandingan Struktur Tematik dalam Akhbar Tempatan Sabah	113
Jadual 4.11	Kekerapan Struktur Retorik dalam Berita Politik	139

Jadual 4.12	Perbandingan Struktur Retorik dalam Akhbar Tempatan Sabah	140
Jadual 4.13	Kekerapan Isu-isu Semasa Berita Politik Dalam PRU13	156
Jadual 4.14	Perbandingan Isu-isu Semasa Berita Politik PRU13 Dalam Akhbar Tempatan Sabah	158



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 2.1	Model Zhongdan Pan dan Gerald M. Kosicki (1993)	59
Rajah 2.2	Model Zhongdan Pan dan Gerald M. Kosicki (1993) yang telah diubahsuai.	60



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Institusi media seringkali dikaitkan dengan institusi pilihan raya di sesebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi seperti di Malaysia. Media massa berperanan menyebarkan perkembangan terkini tentang sesebuah parti yang terlibat dalam pilihan raya dalam masa yang sama membentuk pendapat umum bagi menentukan keputusan pengundian. Masa depan semua lapisan masyarakat bergantung kepada keputusan pilihan raya yang ditentukan sendiri oleh pengundi-pengundi. Pilihan raya terbahagi kepada dua iaitu pilihan raya kecil dan pilihan raya umum, apabila berlaku kekosongan kerusi disebabkan oleh kematian penyandanganya atau perletakan jawatan maka pilihan raya kecil akan diadakan bagi menggantikan kekosongan tersebut (Syed Arabi Idid, 1994).

Pilihan raya umum merupakan peristiwa yang penting bagi rakyat sesebuah negara kerana pembentukan kerajaan baru akan dibuat setelah menjalankan pengundian seluruh negara. Menurut Gouldner (1976), perhubungan antara media dan khalayak adalah terlalu rapat dan saling berinteraksi. Sehubungan dengan itu, media massa mempunyai pengaruh kuat terhadap pendapat umum yang mana khalayak memerlukan khidmat media massa sepenuhnya bagi mendapatkan berita dan orientasi berkenaan pilihan raya. Maka pembentukan dasar negara dapat dilakukan dengan sempurna dengan bantuan perkembangan media massa yang pesat setelah berjaya menyalurkan informasi yang berkesan kepada khalayak sepanjang musim pilihan raya berlangsung.

Menurut Weaver (1982), pada peringkat awal media berperanan untuk memperkenalkan nama dan imej calon secara umum dengan memaklumkan calon-calon yang bertanding dalam pilihan raya kepada khalayak (Syed Arabi Idid, 1994: 15). Pernyataan ini turut disokong oleh Goldenberg dan Traugott (1987), bahawa khalayak dikatakan terlalu terdedah kepada media massa secara umum menyebabkan mereka dapat mengenali calon yang bakal menerajui kepimpinan negara dan menerusi iklan-iklan kempen khususnya di dada-dada akhbar dan televisyen, khalayak yang juga sebagai pengundi dapat menentukan kedudukan pemilihan awal terhadap calon-calon yang bertanding (Syed Arabi Idid, 1994:15).

Berdasarkan pandangan McQuail (1987), media massa juga berperanan sebagai penyebar kempen iaitu khalayak akan membentuk satu pandangan yang selari dengan imej dan mesej yang ditonjolkan melalui media massa berkaitan dengan kempen pilihan raya apabila khalayak terlalu didedahkan dengan imej serta mesej yang sama sahaja. Media massa berperanan sebagai sebuah institusi yang mempunyai pengaruh kuat dalam bidang politik khususnya semasa musim pilihan raya. Media cetak seperti akhbar dan majalah amat berpotensi menguasai pemikiran khalayak kerana pada musim pilihan raya, akhbar dan majalah menjadi tumpuan khalayak memperolehi berita terkini.

Manakala media elektronik seperti televisyen dan radio juga tidak kurang hebatnya berkempen pilihan raya namun kebiasaannya lebih mengutamakan kepada pihak pemerintah. Maka bagi parti pembangkang mereka akan menyebarkan ideologi politik mereka melalui penulisan berita atau rencana menerusi akhbar *online* dan blog bagi mempengaruhi khalayak agar mengetahui matlamat mereka adalah untuk membela nasib rakyat disamping mencapai hasrat untuk menguasai tampuk pemerintahan kerajaan.

Penggunaan media massa telah memberikan alternative untuk melihat hubungan antara isi kandungan media dengan khalayak (Samsuddin A. Rahim, 1993). Kesan media terhadap kempen politik dan penyertaannya adalah perantara dengan apa yang khalayak harapkan dari liputan media. Bagi memuaskan kehendak khalayak, media akan sentiasa bersaing dengan sumber-sumber lain untuk menjadi sumber saluran maklumat utama kepada khalayak. Disamping itu, khalayak yang berusaha menentukan media apa yang mahu dipilih bagi memenuhi keperluan mereka. Hal ini bermakna, khalayak bergantung kepada pemikiran mereka untuk memilih media yang boleh memberi kepuasan kepada diri mereka (Guo, 2000).

Berdasarkan situasi pilihan raya yang banyak dikaitkan dengan peranan media massa mampu mempengaruhi pendapat khalayak. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa khalayak kini lebih mempercayai berita yang terkandung di dalam media massa itu sendiri kerana media massa dapat menentukan agenda dalam masyarakat. Kredibiliti media massa juga penting kerana khalayak akan terus menggunakan media untuk memperolehi maklumat sekiranya mereka yakin dengan media. Selain itu, penentuan agenda dalam perbincangan khalayak khususnya mengenai pilihan raya dapat dilakukan kerana keyakinan khalayak terhadap kredibiliti media adalah kuat, bermakna maklumat yang disalurkan oleh media tersebut dapat menyaingi media lisan (Syed Arabi Idid, 1994:50-51).

Isu yang dibangkitkan dalam media massa perlu mempunyai persamaan dengan isu yang dibincangkan oleh khalayak supaya wujud perhubungan atau pertalian berkaitan antara agenda media dan agenda publik. Namun begitu, bukan semua agenda yang ditonjolkan oleh media massa mampu mempengaruhi khalayak kerana berlakunya perbezaan agenda yang dibincangkan dalam masyarakat (Syed Arabi Idid, 1994:50-51). Namun begitu, keberkesanan media massa adalah sukar untuk diukur kerana kemungkinan pada kajian lepas menggunakan sistem ukuran kekuatan pengaruh media massa tidak begitu peka dengan keadaan sebenar. Situasi pengundi semasa pilihan raya umum menunjukkan bahawa kekuatan pengaruh media massa terhadap sikap dan pemikiran pengundi dapat dibuktikan (Syed Arabi Idid, 1994: 50-51).

Mohd Shamsul Daud et. al. (2009) mendapati media cetak yang merupakan kaedah penyebaran maklumat yang diguna pakai secara konvensional sejak awal telah diperhebatkan lagi dengan kemunculan media elektronik seperti televisyen, radio dan komputer. Revolusi perkembangan medium penyebaran maklumat ini pula diperluaskan dengan kepesatan Teknologi Maklumat dan komunikasi (ICT) yang mencetuskan fenomena baru penyebaran maklumat menerusi aplikasi atas talian (online) seperti blog, SMS, MMS dan lain-lain. Kecanggihan medium terbaru ini dilihat begitu berpengaruh dan meluas kerana maklumat dapat disampaikan dengan cepat, efektif dan efisien. Maka dengan itu, pergantungan masyarakat terhadap kaedah baru ini berjaya mempengaruhi persepsi mereka tentang sesuatu perkara dan akhirnya akan memberi impak terhadap keputusan tentang calon dan parti yang mereka inginkan.

Media termasuk internet memberikan ruang baru dalam demokrasi bukan sahaja untuk mencapai maklumat tetapi memberikan ruang interaksi dalam komunikasi politik (Schulz, 2004; Schulz et. Al., 2005; Papacharissi, 2004). Tidak dapat dinafikan untuk proses demokrasi berjaya, ia memerlukan maklumat bagi membolehkan warga sesebuah negara membuat keputusan dengan bijak. Ini disebabkan dengan persaingan dan penswastan media, banyak berita politik lebih menekankan negativisme yang disebabkan penekanan berlebihan kepada isu-isu konflik dan skandal (Kepplinger, 2002). Dengan itu, akses kepada maklumat yang sahih dan berkualiti daripada pelbagai media bagi setiap warganegara adalah penting.

Kemunculan teknologi baru dikatakan boleh memberikan ruang di mana individu bebas menyuarakan pendapat mereka kerana ruang siber tidak dikawal oleh mana-mana kuasa yang berdaulat. Menurut Sassi (2000), internet seperti juga media lain di mana peranannya dalam demokrasi akan ditentukan oleh orientasinya sama ada sebagai entity awam atau swasta. Namun begitu, Keane (2000) berpendapat internet berpotensi membentuk ruang awam mikro di mana ia boleh meningkatkan jaringan di peringkat global atau regional. Begitu juga Hayes (2008) dan Abbe et. al. (2003) yang berpendapat bahawa media boleh membantu calon pilihan raya mengetengahkan isu-isu tertentu untuk dijadikan agenda perbincangan

dalam kempen pilihan raya dan jika pengundi bersetuju dengan isu tersebut akan mempengaruhi tingkah laku pengundiannya.

Nur Azween dan Nidzam (2009) mendapati media alternatif mempunyai impak yang signifikan ke arah perubahan trend pengundian masyarakat Malaysia. Pada masa yang sama, politik baru yang lebih banyak menumpukan isu korupsi, penyelewengan dan salah guna kuasa menjadi isu utama laungan media ini. rakyat tidak lagi terpengaruh dengan politik lama seperti isu etnik, bahasa, agama dan daerah. Perubahan trend ini memberi petanda bahawa media alternatif wujud sebagai medium penting dalam penyampaian isu politik baru seterusnya memberi impak terhadap trend pengundian di negara ini. Kajian oleh Samsudin (2010) menunjukkan kepercayaan kepada maklumat internet dan daripada kawan-kawan serta isu-isu yang dibangkitkan dalam kempen pilihan raya menyumbang secara positif terhadap keputusan PRU-12 yang memihak kepada gabungan parti pembangkang. Komunikasi politik melalui internet telah mentransformasikan wacana politik, penyertaan politik dan kaedah kempen pilihan raya sesebuah negara seterusnya mewujudkan suasana berpendapat yang bebas dan demokratik (Jankowski & Van Selm, 2008; Hara, 2008; Karlsen, 2010; Balabanic & Mustapic, 2010; Halldan Sinclair, 2011; Liu, 2012).

1.2 Latar Belakang

Landskap industri akhbar di Malaysia masih kukuh dan berkembang meskipun mediaskap negara ini digambarkan sebagai persekitaran yang kaya dengan media namun akhbar dilihat masih mampu bersaing walaupun dengan kehadiran media baharu yang dikatakan mencetuskan ledakan teknologi komunikasi. Dasar liberalisasi kerajaan terhadap media cetak pada awal tahun 1980-an telah menggalakkan perkembangan media di negara ini terutama sekali perkembangan media cetak dan ini telah menggalakkan penerbitan lebih banyak akhbar dan majalah seterusnya memberikan orang ramai kebebasan untuk memilih sumber maklumatnya (Samsudin, 2001). Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada perkembangan industri akhbar dan salah satu faktor menarik untuk dilihat adalah khalayak akhbar itu sendiri. Bagaimana khalayak berfikir, apakah keutamaan

khalayak, perspektif khalayak dan cara pemikiran khalayak merupakan faktor yang bakal menentukan hala tuju sebenar industri akhbar di negara ini.

Akhbar yang dikenali sebagai satu cabang media konvensional dianggap sebagai salah satu media yang paling lama dalam sejarahnya. Untuk kesekian lamanya, akhbar telah mendominasi medium berita dalam masyarakat dan dikatakan sebagai wadah yang paling cepat dalam menyampaikan maklumat kepada orang ramai. Weibull (1992) berpendapat bahawa dalam sistem media yang luas masa kini, akhbar masih teguh dengan peranan utamanya sebagai penyampai maklumat di mana media lain seperti radio dan televisyen yang lebih menekankan peranan dan lebih berkonsepkan hiburan. Beliau juga mendapati pembaca akhbar tertarik kerana fungsi yang ditawarkan oleh akhbar itu sendiri dengan memuatkan berita setempat dan membolehkan mereka turut serta dan tahu akan aktiviti dan isu yang berlaku di sekeliling mereka.

Akhbar juga dikatakan sangat membantu masyarakat untuk lebih memahami isu-isu politik berbanding dengan menonton televisyen dan mendengar radio. Holtz-Bacha dan Norris (2001) turut menjelaskan hal yang sama iaitu akhbar lebih efisien dalam menimbulkan minat dan ilmu pengetahuan dalam politik sebagaimana Schoenbach et al. (2005) menjelaskan akhbar memainkan peranan yang penting dalam menimbulkan kesedaran masyarakat terhadap peristiwa penting dan isu-isu yang melanda masyarakat menerusi pembacaan akhbar yang lebih mendalam.

Menurut Abdul Nafi (2006), akhbar dikatakan boleh mempengaruhi pendedahan dan interpretasi mesej dalam kalangan khalayak apabila terdapat beberapa elemen dalam akhbar seperti tajuk utama yang ditonjolkan, berita berkenaan isu yang berlaku, pendapat dalam bahagian lidah pengarang atau gambar yang diletakkan pada akhbar itu sendiri. Setiap elemen dalam akhbar itu memiliki kesan emosi dan rasional untuk mempengaruhi pendedahan maklumat dan tindak balas pembaca. Maklumat yang dibekalkan oleh akhbar tempatan sangat mempengaruhi keseimbangan liputan berita, meskipun terdapat pelbagai akhbar tempatan daripada pelbagai terbitan. Namun, setiap akhbar itu membuat

paparan berita yang pelbagai dan berbeza-beza setiap hari (Adinegoro, 1966 dalam Abdul Nafi 2006 :9).

Perkembangan pembacaan akhbar di Sabah menunjukkan bahawa masyarakat masih lagi bergantung kepada akhbar untuk mendapatkan maklumat dan informasi semasa yang dilaporkan walaupun wujudnya media-media alternatif yang lain. Buktinya adalah berdasarkan analisis pembacaan yang dikeluarkan oleh *Audit Bureau Circulation* pada tahun 2013, akhbar tempatan *Daily Express* yang juga merupakan akhbar tempatan berbahasa Inggeris mempunyai kadar pembacaan yang tertinggi dan ini diikuti dengan akhbar tempatan yang lain iaitu *New Sabah Times* dan *Borneo Post*. Manakala akhbar *Utusan Borneo* menjadi pilihan utama masyarakat Sabah sebagai pilihan dalam akhbar bahasa Melayu dan ini diikuti pula oleh akhbar *Harian Metro* dan *Metro Ahad*. Akhbar berbahasa Cina *See Hua Daily News* mencatatkan pembacaan paling tinggi di negeri Sabah dan ini diikuti pula oleh akhbar *Overseas Chinese Daily News* dan *Asia Times*.

Menelusuri perkembangan sejarah persuratkhabaran di Sabah bermula pada tahun 1883 sehinggalah pada masa kini. Perkembangan akhbar di Sabah telah menyaksikan akhbar yang terawal dan tertua sekali diterbitkan dalam versi bahasa Inggeris iaitu akhbar *The Herald* pada tahun 1883. Akhbar pertama ini telah diterbitkan sebelum tercetusnya perang yang juga merupakan akhbar terbitan rasmi pertama yang telah diterbitkan oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU). Pada awalnya, pencetakan akhbar ini dilakukan di Daerah Kudat pada tahun yang sama namun pada tahun 1885 pencetakan ini diterbitkan di Sandakan. Sepanjang tempoh penerbitannya, akhbar ini memuatkan kandungan berita seperti sukan, artikel perang, surat pembaca, berita tempatan dari daerah lain dan mekluman mengenai kematian. Bahkan akhbar tersebut juga turut memuatkan iklan. Bagaimanapun, penerbitan akhbar *The Herald* terhenti apabila berlakunya penjajahan Jepun pada tahun 1941 sehingga tahun 1945.

Menjelang tahun 1949, akhbar berbahasa Inggeris *North Borneo News* mula dicetak dan diterbitkan secara tidak berkala dan tetap kerana hanya satu keluaran pada Jun 1949 dan Oktober 1951. Bagaimanapun, rekod terbanyak adalah pada tahun 1952 di mana akhbar tersebut telah diterbitkan sebanyak 16 keluaran dan berada dalam pasaran sehingga tahun 1954. Dua tahun selepas *North Borneo News* diterbitkan, sebuah bulletin berita bahasa Inggeris bagi kesatuan Olahraga Amatur Borneo Utara yang dinamakan *Kinabalu News Bulletin* telah diterbitkan. Tempoh penerbitan akhbar tersebut ialah dari tahun 1951 sehingga Januari 1954.

Akhbar *Sabah Times* pula mula dicetak dan diterbitkan pada Mac 1954. Seterusnya pada penghujung tahun 1954 ia bergabung dengan akhbar *North Borneo News* dan mula diterbitkan secara berkala dan tetap sehingga tahun 1963. Pada ketika itu ia menggunakan nama *North Borneo News* dan *Sabah Times*. Pada penghujung tahun 1964, ia menggunakan nama *The Sabah Times*. Namun, pada tahun 1969 nama akhbar *The Sabah Times* ditukar kepada *Kinabalu Sabah Times* dan sekali lagi sebagai *The Sabah Times* pada tahun 1980. Akhbar ini terus berada dalam pasaran sehinggalah terhenti pada tahun 1995. Ia kemudian berada di dalam pasaran semula pada tahun 1998 apabila Syarikat Inna Kinabalu mengambil alih dan dinamakan sebagai *New Sabah Times*. Keistimewaan akhbar ini pernah menerbitkan akhbar *Sabah Times* dalam bahasa Cina sebanyak dua kali iaitu dari tahun 1963 hingga 1966 dan semasa dinamakan akhbar *Kinabalu Sabah Times* dari tahun 1969 sehingga 1975. Pada Mei 1956, akhbar *Anak Sabah* mula diterbitkan dan ia merupakan akhbar untuk kanak-kanak dan diterbitkan sebulan sekali. Bagaimanapun, ia berhenti dipasarkan pada tahun 1966.

Sejarah persuratkhabaran di Sabah yang berlaku pada tahun 1960 hingga 1976 dianggap penting apabila terdapat banyak jenis akhbar yang diterbitkan dalam bahasa Cina dan antaranya adalah *Kinabalu Observer* ataupun dikenali sebagai *Evening Post*, *Api Siang Pao*, *Eastern Malaysia Evening Post*, *Tawau Jih Pao*, *Borneo Post*, *Kinabalu Daily News*, *Merdeka Daily News* dan *Borneo Times*. Manakala di Sandakan pada tahun 1960, satu lagi akhbar telah dilancarkan iaitu *Sandakan Jih Pao* yang dikatakan merupakan surat khabar Bahasa Cina yang tertua